

Tiada amalan diskriminasi: PM

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali dan Raihanah Abdullah

AYER KEROH. Isnin — Pelabur Taiwan tidak perlu bimbane, untuk melabur dan memperluaskan perniagaan di Malaysia ini kerana kerajaan tidak pernah mengamalkan diskriminasi kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata. Kerajaan Malaysia memberikan layanan yang sama terhadap rakyat berbilang kaum tanpa mengira keturunan.

Menurutnya, setiap rakyat termasuk orang Cina mempunyai peluang yang sama dengan masyarakat Melayu dan India untuk mencari kekayaan dan meningkatkan taraf hidup.

Malah, katanya, usahawan berketurunan Cina di Malaysia adalah antara yang paling berjaya berbanding mana-mana masyarakat Cina di tempat

lain di dunia.

Sehubungan itu, katanya, kebimbangan mengenai layanan buruk tidak harus mempengaruhi pelabur Taiwan.

"Adalah tidak benar masyarakat Cina di negara ini tidak mendapat layanan sama dengan rakyat berketurunan Melayu. Kerajaan tidak pernah menyetepikan mereka dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan.

"Masyarakat Cina di negara ini turut berpeluang mendapat pendidikan di sekolah-sekolah Cina dan pelbagai peluang pekerjaan manakala di sesetengah negara lain, keadaan seumpama itu tidak dibenarkan langsung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan kilang keluli milik sebuah syarikat dari Taiwan, Ornasteel Enterprise Corporation (M) Sdn

Bhd di Ayer Keroh, di sini, hari ini.

Ketika menjawab beberapa soalan daripada kumpulan wartawan dari Taiwan kemudiannya, Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa berusaha memberi tempat yang sama kepada semua kaum dalam apa sahaja kegiatan.

Katanya, perjuangan pemimpin negara ini untuk meningkatkan taraf hidup rakyat adalah untuk kepentingan bersama.

"Selain itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia menyokong penyertaan Taiwan ke dalam Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).

Bagaimanapun, mengenai permohonan Taiwan menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), beliau berkata, oleh kerana masih ada beberapa persoalan yang

belum jelas, adalah tidak wajar Malaysia menyatakan pendirian pada masa ini.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, kerajaan membenarkan institusi kewangan Taiwan membuka cawangannya di negara ini sekiranya ia milik sektor swasta dan bukan milik kerajaan.

Beliau juga berkata, Kerajaan Malaysia member&an taraf Penduduk Tetap (PR) kepada rakyat Taiwan yang melabur di negara ini dengan menimbang setiap satu daripada permohonan yang dikemukakan secara berasingan.

Perdana Menteri juga mengalu-alukan dasar 'Pandang Selatan' yang diamalkan oleh Kerajaan Taiwan pada masa ini dengan berharap lebih ramai pelabur negara ini datang ke Malaysia untuk menanam modal.